



**Kereta terperangkap** akibat banjir kilat yang melanda Kuala Lumpur baru-baru ini.

## Baiki perparitan, penguatkuasaan dari banjir kilat

**Baru-baru** ini kita dikejutkan dengan banjir kilat yang melanda Kuala Lumpur dan juga di beberapa tempat di Malaysia. Banjir kilat bukanlah suatu kejadian pelik di negara ini kerana walaupun hujan turun hanya satu jam, banjir kilat masih boleh berlaku atas sebab-sebab yang berpunca daripada aktiviti masyarakat sendiri.

Antara faktor utama berlakunya banjir kilat di negara ini adalah berpunca daripada sistem perparitan. Seperti yang kita tahu sistem perparitan yang sedia ada tidak cukup besar dan perlu dibaiki mengikut keadaan semasa iaitu selaras dengan pembangunan pada masa kini.

Sistem perparitan perlu memenuhi beberapa aspek seperti saiz parit, aras pembalikan iaitu aras-

aras parit yang tertentu yang membolehkan air mengalir dari satu parit ke parit yang lain, peratusan kecerunan, dan jenis parit yang dibina sama ada konkrit atau bukan konkrit adalah memainkan peranan yang amat penting bagi mengalirkan air dengan lancar.

### Masyarakat tak bertanggungjawab

Selain itu, pembuangan sampah sarap oleh masyarakat yang tidak bertanggungjawab juga adalah antara faktor berlakunya banjir. Walaupun ini bukan punca utama, tetapi pihak DBKL mendapati ianya turut menyumbang kepada masalah banjir di Kuala Lumpur.

Statistik pada 2015 menunjukkan penduduk di negara ini dianggarkan membuang sampah sehingga 33,000 tan sampah setiap

hari dan di bandar Kuala Lumpur sahaja, purata jumlah sampah yang dibuang seorang individu ialah 1.25 kilogram (kg) sehari.

Melalui pemerhatian dan bancian yang telah dilaksanakan, sampah sarap ini bukan sahaja kelihatan di kawasan penempatan, tetapi juga di celah-celah parit dan longkang dan hal ini boleh mengganggu sistem pengairan untuk mengalir dengan lancar kerana adanya halangan daripada sampah.

### Tingkat kadar kompaun

Oleh yang demikian, tidak mustahil kadar pembuangan sampah sarap di Kuala Lumpur telah menyumbang kepada berlakunya banjir kilat baru-baru ini.

Antara alternatif yang boleh diambil bagi mengurangkan masa-

lah ini selain daripada kempen ialah pihak majlis perbandaran perlu membesarkan sistem perparitan yang sedia ada dan menaikkan lagi taraf sistem tersebut kepada yang lebih baik. Selain itu, meningkatkan kadar kompaun kepada pesalah juga perlu bagi memberi kesedaran kepada mereka agar kesalahan itu tidak berulang.

Sebagai kesimpulan, tahap kesedaran sivik masyarakat adalah masih lagi pada tahap yang tidak memuaskan dan tidak salah jika kita katakan sikap tidak bertanggungjawab masyarakat secara tidak langsung turut menyumbang kepada masalah ini.



**Mohamad Ghazi Faris  
Abdul Mutalib,**  
USIM, Nilai